

Konvensyen PKR Sarawak

# Tetap diteruskan ikut jadual

Keputusan sudah dimuktamad pada mesyuarat pusat, biro politik: Saifuddin

Oleh Wan Faizal Ismayatim, Rohaniza Idris, Norhafzan Jaafar dan Petah Wazzan Iskandar  
 bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Konvensyen Parti Keadilan Nasional (PKR) Sarawak tetap diteruskan sebagaimana dijadualkan esok.

Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution, menerangkan perkara itu perlu dipatuhi kerana ia sudah dimuktamadkan ketika mesyuarat di peringkat pimpinan pusat dan biro politik.

"Semua negeri sudah diberikan jadual dan pelaksanaannya perlu mengikut jadual. Jika ada pandangan sebaliknya, saluran yang betul adalah dengan mencadangkan perkara itu kepada majlis pimpinan pusat dan biro politik sebelum keputusan lain dibuat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pembukaan Pusat Beli-Belah AEON Taman Maluri, di sini, semalam.

Beliau mengulas findikan Majlis Pimpinan Negeri (MPN) PKR Sarawak mengambil keputusan membatalkan konvensyen negeri berkenaan.

Pengerusi MPN PKR Sarawak, Baru Bian, berkata keputusan itu dibuat kerana pihaknya tidak berpuas hati dengan cara parti menyelesaikan isu jemputan perasmian Kongres Nasional Angkatan Muda Keadilan (AMK).



Saifuddin meninjau ruang Pusat Beli-Belah AEON selepas merasmikannya di Taman Maluri, Kuala Lumpur, semalam.

[Foto Rosela Ismail/BH]

Ia menjadi kontroversi selepas jemputan kepada Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, dibatalkan dan diganti dengan jemputan kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Mengenai pendirian Timbalan Ketua AMK, Muhammad Hilman Idham, yang bertegas mahukan Mohamed Azmin merasmikan Kongres Nasional AMK dan Wanita PKR pada 5 Disember depan, Saifuddin menegaskan perkara itu sepatutnya diputuskan mengikut saluran yang betul.

"Keputusan mengenai parti kena dibuat dalam mesyuarat parti, tidak boleh dibuat dalam perjumpaan pada peringkat cabang. Itu bukan cara parti bergerak kerana platform sebenar adalah mesyuarat yang diadakan pada peringkat pusat dan biro politik," katanya.

Muhammad Hilman Idham, mengumumkan pendirian itu se-

lepas Mesyuarat Majlis Pimpinan Pusat AMK di Shah Alam, malam kelmarin.

Sementara itu, Mohamed Azmin berkata beliau akan mempertimbang untuk merasmikan Kongres Nasional AMK di Melaka susulan keputusan Mesyuarat Majlis Pimpinan Pusat AMK itu.

Beliau yang juga Menteri Hal Ehwal Ekonomi, berkata ini kerana mesyuarat berkenaan mendapat sokongan daripada majoriti anggota AMK.

"Saya berterima kasih kepada AMK kerana keberanian mereka untuk bersuara demi kepentingan parti. Mereka telah dipilih dalam Kongres parti dan pastinya kita perlu menghormati suara majoriti kerana itu adalah amalan demokrasi dalam parti yang telah diamalkan selama ber tahun-tahun."

"Sebagai Timbalan Presiden, saya pastinya akan mempertimbangkan permintaan oleh AMK

ini dengan serius," katanya kepada wartawan di Putrajaya semalam.

Mengenai kenyataan Ketua AMK, Akmal Nasrullah Mohd Nasir, bahawa perasmian kongres kekal seperti diputuskan dalam mesyuarat sebelum ini, iaitu oleh Dr Wan Azizah, Mohamed Azmin berkata: "Itu Akmal kata."

Sementara itu, Pengarah Konvensyen Pusat PKR, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata Konvensyen PKR Sarawak boleh diteruskan walaupun MPN PKR Sarawak enggan terbabit kerana perlombongan parti menyatakan Majlis Pimpinan Pusat (MPP) berkuasa menentukan syarat dan perkara berkaitan pengajuran perhimpunan itu.

Beliau berkata, fasal 30 Perlombongan PKR menyatakan konvensyen negeri perlu diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun dan dihadiri wakil dari cabang parti.